

Jenis Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 26/07/2019
Edisi / Muka Surat : Nasional / 24
Tajuk : Tumpu pembangunan koperasi di sekolah



Abdul Fattah (empat dari kiri) menerima borang keahlian Angkasa daripada Pengarah Pembangunan SKM Wilayah Persekutuan, Amran Abdul Kadir pada Majlis Dialog Pemeraksanaan Perniagaan Koperasi Peringkat Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur semalam.

Tumpu pembangunan koperasi di sekolah

KUALA LUMPUR - Kerajaan perlu memberi tumpuan terhadap pembangunan koperasi sekolah di negara ini sebagai platform merealisasikan hasrat menjadikan Malaysia sebagai Negara Keusahawanan menjelang 2030 selaras Dasar Keusahawanan Nasional (DKN).

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, terdapat 2,421 koperasi di sekolah menengah

kebangsaan (SMK) yang berpotensi dalam melahirkan generasi usahawan muda.

Menurutnya, bagaimanapun beberapa perkara menjadi kekangan untuk koperasi bernaung di bawah Angkasa berkembang dan kerajaan harus memberi perhatian terhadap perkara tersebut.

"Angkasa sedia bekerjasama dengan kerajaan untuk merealisasikan hasrat ini.

"Untuk melahirkan masya-

rakat keusahawanan mesti bermula di peringkat sekolah. Jadi Angkasa sarankan agar budaya keusahawanan diberi penekanan melalui koperasi sekolah yang kini mempunyai 1.6 juta ahli," katanya ketika ditemui pada Majlis Dialog Pemeraksanaan Perniagaan Koperasi di sini semalam.

Hadir sama, Ketua Penolong Pengarah (Pembangunan) Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Wilayah Persekutuan, Suhaini Romli.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA